

Dr M, Anwar bincang isu mendesak

Kuala Lumpur: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya untuk berbincang beberapa isu mendesak dalam dan luar negara.

"Bertemu Tun Dr Mahathir. Saya merujuk kebimbangan PKR dalam Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat semalam (kelmarin) terhadap ancaman Amerika Syarikat (AS) terhadap kepimpinan Iran.

"Kerajaan perlu menyatakan pendirian tegas dengan menolak sebarang provokasi kepada seluruh negara Islam," kata Ahli Parlimen Port Dickson itu dalam satu kenyataan.

Amaran Iran akan musnah

Dilaporkan, Presiden AS Donald Trump memberi amaran Iran akan musnah sekiranya Tehran menyerang kepentingan Washington.

Amaran Trump itu dikeluarkan susulan serangan terhadap aset minyak Arab Saudi pada minggu lalu dan serangan roket ke dalam Zon Hijau di Baghdad, Iraq yang menempatkan ba-



Anwar mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Putrajaya, semalam.

nyak bangunan kerajaan dan kedutaan.

Kenyataan itu turut menyebutkan Anwar memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa beliau akan menunaikan um-

rah bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang pada masa sama akan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ke-14 di Makkah

pada 31 Mei ini.

Menurut kenyataan ringkas itu lagi, perkembangan politik semasa turut disentuh ketika pertemuan kedua-dua pemimpin itu.

BERNAMA